

SOALAN NO: 83

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]
RUJUKAN : BL5 [PR-1352-T00656]
SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah terdapat cadangan pembaikpulihan jalan jalan raya di kawasan Teratai Mewah, Flat Danau Kota serta kawasan lain di Parlimen Wangsa Maju.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab untuk menyenggara semua jalan-jalan awam di Kuala Lumpur yang jumlah panjangnya 2,200 kilometer termasuk lorong-lorong belakang jalan sisi dan jalan-jalan di Kampung Tradisi serta Kampong Bharu.

Kerja-kerja penyenggaraan ini termasuk membaiki kerosakan kecil seperti menampal lubang, mengecat semula tanda jalan dan merata permukaan yang tidak rata (*regulation*) sehinggalah kepada penyenggaraan besar iaitu membaiki lapisan *sub-base*, *base* dan memperbaharui muka jalan (*resurfacing works*).

Bagi kawasan Parlimen Wangsa Maju terutama Jalan Langkawi, Jalan Genting Klang, Jalan Taman Ibukota dan lain-lain jalan utama akan dimasukkan dalam perancangan tahun 2018.